

# Sokong saranan Dr Mahathir

**S**aya menyokong pandangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai kepentingan bahasa Inggeris untuk subjek Sains dan Matematik.

Pada hemat saya, menggunakan bahasa Inggeris untuk dua subjek berkenaan bukan bermakna menidakkan keupayaan bahasa Melayu sebagai pengucapan penting. Penguasaan bahasa Inggeris dan mengiktiraf kewujudan bahasa Melayu perlu dilakukan serentak.

Jika dulu ada mempertikaikan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), kini cadangan muncul lagi kerana bahasa Inggeris lebih sesuai untuk subjek berkenaan.

Sering kita dengar tanggapan daripada masyarakat yang mengatakan penggunaan bahasa Inggeris tidak mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam pembelajaran. Tanggapan seperti ini haruslah ditepis. Mereka perlu melihat dari sudut positif.

Seperti yang kita tahu bahasa Inggeris sangat penting pada era globalisasi. Penedahan bahasa Inggeris di sekolah dapat membantu pelajar lebih bersedia menempuhi alam pengajian di universiti dan bidang pekerjaan.

**Nur Syamimi Muhamad Shahimi**  
USIM